

MENGAPA GERUN KETUANAN MELAYU?

Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir -IPDM

Tue 9/26/2017 11:49 AM

To:UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUMstudentgroup <studentnet-out@uum.edu.my>;



26 SEPTEMBER 2017 / 6 MUHARAM 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

MENGAPA GERUN KETUANAN MELAYU?



NURUL ANUAR KARI

anuar.kari@ufusion.com.my

UNGKAPAN 'ketuanan Melayu' menjadi antara mangsa pemahaman dan terjemahan salah disebabkan tahap penguasaan bahasa Melayu sangat teruk dalam kalangan warga Malaysia sendiri.

Kurangnya pemahaman dan garapan terhadap konsep maksud tersirat, definisi bertindih bagi perkataan sama, ungkapan sinis mahupun terjemahan peribahasa menyebabkan ramai gagal memahami maksud sebenar perkataan dan ayat menggunakan bahasa kebangsaan.

'Ketuanan Melayu' sendiri diterjemah kepada *Malays Supremacy* (keagungan Melayu) dalam bahasa Inggeris seterusnya menyebabkan ramai menterjemah kembali ungkapan tersebut sebagai meletakkan orang Melayu sebagai 'tuan' sementara bukan Melayu sebagai 'hamba'.

Dalam perbincangan *Apa Itu Ketuanan Melayu: Hakis Perpaduan Kaum* di ibu pejabat Utusan Melayu (M) Berhad minggu lalu, pakar sejarah, Profesor Datuk Dr. Zainal Kling menyifatkan faktor pemahaman bahasa ini menjadi antara punca utama 'ketuanan Melayu' ditakuti orang bukan Melayu.

Menurut beliau, terjemahan *Malay Supremacy* itu sangat buruk dan meletakkan orang Melayu umpama watak jahat seperti gerakan *White Supremacy* (keagungan kulit putih) masyarakat Australia sekitar 1950-an dan Ku Klux Klan di Amerika Syarikat serta *Nordic Supremacy* di Eropah.

"Ini berlaku terutamanya dalam kalangan orang Cina Malaysia yang menyamakan konsep ketuanan Melayu dengan sistem hamba abdi dan dalam situasi ini, bukan Melayu disifatkan sebagai golongan hamba.

"Mereka sepatutnya faham itu



ZAINAL KLING (tengah), **Aziz Ujang** (kanan) dan moderator, **Dr. Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri** ketika sesi perbincangan *Apa Itu Ketuanan Melayu: Hakis Perpaduan Kaum* di ibu pejabat Utusan Melayu (M) Berhad, Kuala Lumpur, 21 September lalu. -UTUSAN/GHAZALI BASRI

cuma perumpamaan Melayu sebagai 'tuan rumah' ke atas Tanah Melayu (*Malayland*) seperti mana Thailand untuk orang Thai, China untuk orang Cina dan India untuk orang India. Ada satu sahaja Tanah Melayu di dunia ini," tegasnya.

Tambahnya, jika rakyat Malaysia faham sejarah, maka mereka sepatutnya tahu rantau ini digelar Kepulauan Melayu (*Malay Archipelago*) yang merangkumi selatan Thailand, selatan Filipina, Tanah Melayu, Indonesia, Brunei dan Singapura.

Zainal menjelaskan konsep Ketuanan Melayu itu cuma menggambarkan kesinambungan kekuasaan dan pemerintahan sistem raja-raja Melayu di rantau ini sejak zaman kerajaan Srivijaya sejak abad ketujuh Masihi yang dianggap empayar Melayu pertama dalam rekod sejarah.

"Batu bersurat di Palembang menyatakan Srivijaya dibuka sekitar 680 Masihi dan semua batu bersurat mengenai kerajaan itu ditulis dalam bahasa Melayu walaupun menggunakan huruf kuno.

"Rekod-rekod lama dari China dan India sendiri menunjukkan raja-raja Melayu Srivijaya diturunkan sampai zaman pemerin-

tahan mereka di Temasek, beralih ke Melaka, ke Siak dan ke Perak sehingga waris kesultanan sekarang," ujarnya.

Beliau berpendapat 'alam Melayu' tidak akan berpecah menja- di beberapa negara berlainan jika tiada sejarah penjajahan Eropah tetapi 'Melayu' tetap tidak akan hilang di rantau ini.

"Saya sendiri lebih suka gunakan istilah 'kedaulatan' daripada 'ketuanan' kerana lebih jelas melambangkan ketuanan itu ada pada raja-raja Melayu yang tetap berdaulat sehingga sekarang, bukannya seperti kedudukan Firaun yang sangat kuat tetapi sudah tidak wujud.

"Perlu difahami, payung kedaulatan raja-raja Melayu itu yang mempertahankan kita semua, bukan sahaja hak istimewa Melayu dan bumiputera malahan hak-hak orang bukan Melayu yang dahulu diterima masuk dari negara lain untuk membentuk negara dan bangsa Malaysia," katanya.

Pengurus Besar Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, Datuk Dr. Aziz Ujang juga bersetuju perkataan 'kedaulatan' boleh menggantikan 'ketuanan' jika sukar diterima orang bukan

Negara ini ada raja yang kita panggil 'Tuanku', bukannya untuk gambarkan Melayu tuan, sementara bukan Melayu itu hamba sebaliknya raja itu lambang pemerintahan, agama dan perpaduan yang perlu dihormati."

Melayu kerana konsep itu bukannya cuba merampas hak mana-mana pihak.

"Saya faham ada anak muda sekarang yang bagi mereka seseorang yang lahir di negara ini sudah cukup untuk menerima layanan 'sama rata', ini termasuk anak muda Melayu sendiri, bukan Cina dan India sahaja.

"Mereka perlu faham asas dan sejarah penubuhan negara kita. Negara ini ada raja yang kita panggil 'Tuanku', bukannya untuk gambarkan Melayu tuan, sementara bukan Melayu itu hamba sebaliknya raja itu lambang pemerintahan, agama dan perpaduan yang perlu dihormati," jelasnya.

Namun, beliau mempersoalkan tindakan pihak tertentu sama ada warganegara, orang luar di dalam negara mahupun orang di luar negara yang cuba mengang- jurkan gerakan songsang seperti pesta gay dan festival arak di Malaysia.

"Kenapa negara ini? Kenapa tidak di negara lain yang memang biasa dengan perkara sedemiki- an? Mereka mahu uji kedaulatan undang-undang kita, ketuanan raja-raja Melayu dan ketahanan orang kita mentadbir.

"Jangan diulang sejarah kita dijajah orang lain selama lebih 446 tahun sedangkan baru 60 tahun merdeka. Jangan terlalu berlembut, dalam kelembutan perlu ada ketegasan bertindak atau kelak negara kita akan kucar kacir," tegasnya.

 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.